

CNS6025

R EB 09-10 00176 BA322

aab

KONGSI KEMAHIRAN PENGURUSAN WANG: MAHATHIR
MKK - Mahathir (Kemahiran)

I

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan supaya para menteri kewangan dan ekonomi Komanwel saling membantu satu sama lain untuk meningkatkan kemahiran dalam pengurusan kewangan.

Kekayaan boleh susut dalam sekejap sahaja tetapi kemahiran boleh mempertahankannya dan menjadikan kekayaan itu berkembang, kata beliau.

+Ada di antara kita yang berjaya dan ada pula yang gagal dalam menguruskan soal kewangan,+ kata beliau semasa merasmikan mesyuarat Menteri Kewangan Komanwel (MKK) di sini.

Katanya Malaysia bersedia belajar daripada orang lain, dan dasar Pandang Ke Timur dirumuskan, bukan kerana +kami mahu menjadi tanah jajahan Jepun tetapi kerana kami merasa kami dapat mempelajari daripada kejayaan Jepun muncul daripada kemusnahan perang, termasuk kehancuran oleh bom atom, untuk menjadi kuasa ekonomi dunia.+

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa negara kaya yang tidak memerlukan bantuan pun, masih perlu menguruskan kewangan mereka dengan baik jika mereka mahu terus menikmati kekayaan itu. -- Lagi.

♥09/10/11-54MST

CNS6031

R EB 09-10 00097 BA323

aab

MKK - Mahathir (Kemahiran) 2 Kuala Lumpur

Yang penting, kata beliau, bukanlah semata-mata mempunyai wang. Sebaliknya, cara bagaimana wang itu dibelanjakan dan dilaburkan yang akan menentukan sama ada negara akan maju dan berkembang atau mundur dan semakin merosot.

Kesejahteraan rakyat dan negara banyak bergantung kepada kemahiran Menteri Kewangan, kepada kuasa dan pengaruh yang dipunyai dan digunakannya, katanya.

+Menteri Kewangan di mana-mana negara pun mempunyai tanggungjawab yang amat berat. Memanglah jika Menteri Kewangan tidak mempunyai wang langsung, tidak banyak yang dapat dilakukannya,+ kata beliau. -- Bernama.

♥09/10/12-03MST